

Tahniah Dr. M kepada calon dan pekerja BN di Binjai

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam serta beberapa pemimpin tertinggi Barisan Nasional, mengucapkan tahniah dan syabas atas kemenangan calon Barisan Nasional, Encik Muda Mamat dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Kawasan Binjai.

Dalam satu telegram kepada Menteri Besar Terengganu, Datuk Amar Haji Wan Mokhtar Ahmad hari ini, Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata:

"Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Barisan Nasional pimpinan Datuk Amar atas kemenangan calon BN, Encik Muda Mamat dalam pilihanraya kecil itu.

"Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Encik Muda Mamat. Dan kepada semua pekerja dan penyokong Barisan Nasional yang berusaha dengan giat dan ber-sungguh-sungguh, saya mengucapkan terima kasih".

Dalam pilihanraya kecil itu, calon BN, Encik Muda Mamat mendapat 4,041 undi mengalahkan calon PAS, Encik Abdul Wahab Salleh yang mendapat 3,181 undi, iaitu kelebihan 860 undi.

Datuk Musa Hitam yang juga Timbalan Pengerusi BN pula mensifatkan kemenangan BN dalam pilihanraya kecil itu adalah simbol sokongan yang berterusan dari rakyat kepada kerajaan.

Dalam satu kenyataan hari ini, beliau berkata: "Ia juga membuktikan hanya parti yang sentiasa mendokong perpaduan sahaja akan diberi mandat oleh rakyat."

Datuk Musa berkata, kelebihan undi berlipat ganda yang diperolehi oleh calon BN kali ini membuktikan sokongan dan kepercayaan rakyat Terengganu kepada kerajaan semakin bertambah.

Dorongan

Kerajaan BN akan menjadikan kemenangan itu sebagai dorongan untuk lebih gigih dalam perjuangannya demi pembangunan fizikal dan rohaniah yang lebih pesat dan untuk kesejahteraan rakyat dan negara, jelasnya.

"Syabas saya ucapkan kepada calon BN yang berjaya memenangi pilihanraya kecil itu.

"Saya juga mengucapkan syabas kepada Ketua Perhubungan UMNO Terengganu dan barisan pemimpinnya di atas kejayaan menggerakkan jentera pilihanraya yang tersusun dan lancar," katanya lagi.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Haji Mustafa Jabar pula mensifatkan, kekalahan PAS dalam pilihanraya kecil itu membuktikan rakyat negara ini tidak boleh diperbodoh-bodohkan dengan propaganda pimpinan ulama.

Kekalahan itu, katanya, membuktikan rakyat menolak pimpinan muda PAS yang hanya memperalatkan Islam untuk kepentingan diri sendiri.

Beliau berkata, kemenangan Encik Muda Mamat adalah satu tampa-

ran hebat kepada pimpinan baru PAS.

DI KUALA TERENGGANU: Menteri Besar, Datuk Amar Haji Wan Mokhtar Ahmad pula mensifatkan kemenangan calon BN sebagai penolakan pengundi di kawasan Binjai terhadap dakyah perjuangan Islam yang dibawa oleh PAS.

Beliau yang juga Pengarah Pilihanraya kecil itu bagi pihak BN berkata, majoriti undi yang bertambah, membuktikan keyakinan pengundi terhadap kemampuan kerajaan melaksanakan rancangannya.

Kejayaan BN di Binjai adalah kerana rakyat yakin terhadap kerajaan dan bukan kerana krisis kepimpinan PAS, ujarnya.

Menurut beliau, kemenangan PAS yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti ceramah yang menyentuh peribadi orang lain juga membawa kepada kekalahan parti itu.

DI KOTA BAHARU: Naib Presiden UMNO, Tengku Ahmad Rithauddeen berkata, kekalahan calon PAS itu akan menggelapkan lagi masa depan perjuangan PAS. "Ia juga satu tamparan teruk kepada pemimpin-pemimpin baru PAS sekarang," tambahnya.

Kemenangan calon BN pula beliau sifatkan sebagai satu petanda bahawa konsep kerajaan sekarang diterima rakyat sepenuhnya.

Bekas Yang Dipertua PAS, Datuk Asri Haji Muda pula berkata, kemenangan calon BN bukan suatu perkara luar biasa kerana jentera kempen parti pemerintah lebih besar.